

## **PERSEPSI PELAJAR BERMASALAH PENDENGARAN TERHADAP PEMBELAJARAN FARDU AIN : CABARAN TERHADAP GURU**

**Mohd Huzairi bin Awang @ Husain**

Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kampus Keningau, Sabah  
ulya\_mashkuri@yahoo.co.uk

**Hajarul Bahti binti Zakaria**

Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kampus Keningau, Sabah  
hajarulbahti@yahoo.com.my

**Bani Hidayat bin Mohd Shafie**

SMK Slim, Slim River  
bani\_3738@yahoo.com

**Nor Hayati Fatmi binti Talib**

Politeknik Sultan Azlan Shah, Behrang  
yati\_6709@yahoo.com

**Nabiroh binti Kassim**

Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kampus Bahasa Melayu, Kuala Lumpur  
nabirohk@yahoo.com

### **Abstrak**

Kepentingan penguasaan asas fardu ain mula dititikberatkan selepas Kementerian Pelajaran Malaysia melaksanakan Penilaian Perkara Asas Fardu Ain dan dilaporkan pencapaiannya dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dalam memastikan penguasaan dan pemahaman pelajar terhadap aspek-aspek fardu ain dalam sukatan pelajaran pendidikan Islam. Kandungan Perkara Asas Fardu Ain adalah yang paling minimum daripada Pendidikan Islam yang hendak dipastikan agar tiap-tiap pelajar memahami dan boleh mengamalkannya. Artikel ini cuba meninjau persepsi pelajar bermasalah pendengaran terhadap pembelajaran fardu ain. Persepsi pelajar diukur menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan soal selidik yang dijalankan ke atas pelajar-pelajar di sekolah menengah pendidikan khas bermasalah pendengaran. Persepsi yang positif atau negatif akan memberikan impak terhadap penguasaan mereka dalam perkara asas fardu ain seterusnya akan mempengaruhi tahap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Hal ini memberi cabaran kepada guru dalam usaha untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam untuk melahirkan insan yang berilmu, berakhlak mulia, berketerampilan, bertanggungjawab sebagai

hamba dan khalifah yang boleh memberi sumbangan terhadap kesejahteraan ummah sebagai mana terkandung dalam Falsafah Pendidikan Islam. Diharap kajian ini akan memberikan suatu penambahbaikan dan peningkatan kualiti guru dalam pengajaran dan pembelajaran fardu ain pelajar bermasalah pendengaran.

**Kata kunci** : persepsi, pelajar bermasalah pendengaran, perkara asas fardu ain, pendidikan Islam, penguasaan pelajar, penambahbaikan dan peningkatan kualiti guru dalam pengajaran dan pembelajaran

## **Pendahuluan**

Golongan pekak adalah sebahagian daripada golongan yang dikategorikan sebagai orang kurang upaya. Abdul Latif Samian & Nazri Muslim (2008) mendefinisikan orang kurang upaya sebagai orang yang tidak berupaya menentukan sendiri bagi memperoleh sepenuhnya atau sebahagian daripada keperluan biasa seseorang individu dan tidak dapat hidup bermasyarakat sepenuhnya disebabkan sesuatu kekurangan sama ada dari segi fizikal atau mental dan sama ada ia berlaku semenjak lahir atau kemudian daripada itu. Mereka memerlukan perkhidmatan istimewa bagi membolehkan mereka hidup berdikari dalam komuniti.

Persoalan kepentingan dan kebajikan golongan ini telah diambil berat oleh kerajaan Malaysia dengan adanya Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685). Menurut Seksyen 3 (2) (g) Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685), Ketua Pengarah Pendidikan adalah salah seorang daripada anggota Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya. Dengan keanggotaan itu, seharusnya persoalan pendidikan golongan ini diambil berat dan diberikan peluang sama rata bersama pelajar-pelajar yang biasa.

Golongan pekak merupakan kelompok minoriti (Susan Gregory et. al 1999) dalam sesebuah masyarakat, mereka ini tidak boleh disisihkan dan dikesampingkan daripada arus perdana. Golongan ini berhak untuk mendapat layanan, perkhidmatan dan bekalan sama rata sebagaimana kelompok normal. Mereka lahir dan membesar dalam kelompok normal. Menurut Susan Gregory dan Pamela Knight (1999) bahawa 90 % kanak-kanak pekak lahir daripada keluarga pendengaran normal. Disebabkan perbezaan yang ada, tidak sepatutnya hak mendapat ilmu dan maklumat dikesampingkan. Kebanyakannya ibubapa mempunyai reaksi awal yang negatif, beremosi dan kesan yang mendalam kepada keluarga apabila mendapati anak yang dilahirkan didiagnosis sebagai pekak (Susan Gregory & Pamela Knight 1999) dan ini memberi kesan yang besar kepada proses pendidikan dan pembangunan diri anak berkenaan.

Setiap pelajar muslim wajib diajar pendidikan Islam sebagai asas kekuatan dalaman peribadi muslim untuk mengharungi kehidupan mendatang. Dalam sistem pendidikan kebangsaan di Malaysia, mata pelajaran pendidikan Islam diajar sebagai mata pelajaran wajib di sekolah rendah dan menengah bertujuan untuk melahirkan insan yang seimbang daripada aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Kurikulum Pendidikan Islam digubal berlatar belakang Falsafah Pendidikan Islam untuk mencapai matlamat berikut (Kementerian Pelajaran Malaysia 2002).

1. Menjadikan Pendidikan Islam lebih berkesan dari segi implikasi dan penghayatan terutama berkaitan dengan fungsi Pendidikan Islam sebagai benteng ketahanan diri murid dari segi akidah dan akhlak.

2. Mewujudkan perkaitan antara teori dan praktis. Murid-murid bukan sahaja tinggi pencapaian dalam peperiksaan tetapi tinggi juga tahap amalan dan penghayatan.
3. Menjadikan skop pendidikan Islam merangkumi semua aspek asas fardu ain dan aspek-aspek utama fardu kifayah, khususnya dari segi sumbangan pendidikan Islam terhadap pembangunan tamadun bangsa dan negara .
4. Meringankan beban murid, khususnya murid yang lambat proses pembelajarannya terutama dalam aspek hafazan ayat al-Quran.

Dalam hal ini, terdapat segolongan pelajar minoriti yang dikategorikan sebagai pelajar kurang upaya dalam penglihatan, pendengaran dan masalah pembelajaran seperti yang dijelaskan dalam peraturan-peraturan pendidikan (Pendidikan Khas 1997) adalah sebahagian daripada warga pendidikan yang mesti diambil berat dan diberi perhatian dalam pembangunan pendidikan khususnya dalam bidang pendidikan Islam (Lembaga penyelidikan Undang-Undang 2008, KPM:Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 5/1998). Penguasaan golongan pekak dalam perkara asas fardu ain amat penting di samping kecerdasan kerohanian mereka dalam membina diri dan keperibadian menuju kepada pengabdian diri terhadap Allah sebagai insan bertaqwa sebagaimana maksud firman Allah :

Tidak Aku jadikan jin dan manusia kecuali untuk mengabdikan diri kepadaKu  
(al-Quran, al-Dharyat 51)

Pelajar-pelajar pekak mengikuti alam persekolahan sebagaimana pelajar lain dalam aliran kebangsaan. Mereka mengikuti pengajian peringkat rendah dan menengah di sekolah-sekolah pendidikan khas dan program pendidikan khas integrasi (PPKI) di sekolah-sekolah harian dengan menggunakan kurikulum kebangsaan. Pendidikan pelajar-pelajar pekak telah diberi perhatian dalam laporan Jawatankuasa Kabinet 1979 sebagaimana berikut :

Perkara 437 – Pada masa ini pendidikan kanak-kanak pekak dan buta boleh dikatakan hampir kesemuanya diuruskan oleh pihak kerajaan ....

Perkara 438 – memandangkan betapa pentingnya pendidikan kanak-kanak cacat ini dan tanggungjawab baginya menjadi semakin berat, maka adalah dirasai Kerajaan sendiri perlu memikul tanggungjawab ini sepenuhnya. Disamping itu penyertaan oleh badan-badan sukarela hendaklah terus digalakkan

Perkara 438.1 – Dengan adanya kesedaran bahawa Kerajaan seharusnya bertanggungjawab terhadap pendidikan kanak-kanak cacat, adalah diperakukan Kerajaan hendaklah mengambil sepenuhnya tanggungjawab pendidikan itu dari pihak-pihak persatuan yang mengendalikannya pada masa ini. Di samping itu penyertaan oleh badan-badan sukarela dalam memajukan pendidikan kanak-kanak cacat hendaklah terus digalakkan

Perkara 440 – Adalah menjadi satu kenyataan bahawa pendidikan kanak-kanak pekak itu melibatkan perbelanjaan yang besar kerana ia memerlukan alat dan kemudahan-kemudahan khas. Walaupun peruntukan kewangan cukup adalah didapati kebanyakan sekolah masih lagi tidak mempunyai kelengkapan yang mencukupi .....

Perkara 441 – Adalah didapati juga kebanyakan daripada bilik-bilik yang kini digunakan untuk kanak-kanak pekak tidak sesuai. Pendidikan untuk kanak-kanak pekak ini bukan sahaja memerlukan pendekatan-pendekatan khas dan alat-alat khas bahkan juga bilik khas (Kementerian Pelajaran Malaysia 1980)

Pendidikan pelajar berkeperluan khas ditetapkan sebagaimana seksyen 40 Akta Pendidikan 1996 :

Menteri hendaklah mengadakan pendidikan khas di sekolah khas yang ditubuhkan di bawah perenggan 34(1 )(b) atau di mana-mana sekolah rendah atau menengah yang difikirkan oleh Menteri suaimanfaat

Dengan sebab itu, keperluan golongan pekak dalam menguasai ilmu agama amat penting untuk diri mereka dan keluarga serta kelompok pekak agar mereka mampu menjalani kehidupan beragama dan beribadah sebagaimana muslim yang lain. Keperluan ilmu terhadap mereka tidak boleh dikesampingkan.

### **Tujuan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran awal tentang persepsi pelajar bermasalah pendengaran terhadap pembelajaran asas fardu ain yang menjadi cabaran kepada guru-guru dalam mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dalam Program Pendidikan Khas Masalah Pendengaran di Malaysia.

### **Pembelajaran Fardu Ain**

Beberapa langkah telah dilaksanakan termasuklah penggubalan kurikulum baru yang dinamakan Kurikulum Baru Pendidikan Islam Sekolah Rendah 1982. Setelah lengkap satu pusingan kurikulum sekolah rendah, lahir pula Kurikulum Baru Pendidikan Islam Sekolah Menengah dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dan dilaksanakan pada tahun 1989. Bagi memastikan penguasaan dan pemahaman pelajar terhadap aspek-aspek fardu ain dalam sukatan pelajaran pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran telah melaksanakan Penilaian Perkara Asas Fardu Ain dan dilaporkan pencapaiannya dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bermula sesi 1994/95 (KPM, Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 4/1994). Kandungan Perkara Asas Fardu Ain adalah yang paling minimum daripada Pendidikan Islam yang hendak dipastikan agar tiap-tiap pelajar memahami dan boleh mengamalkannya (Kementerian Pendidikan Malaysia 1995). Proses semakan telah dibuat pada tahun 2002 dan dilaksanakan pada tahun 2003 (KPM, Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 17/2002). Penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) telah berjalan 16 tahun pelaksanaannya manakala kurikulum semakan Pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah telah dilaksanakan bermula tahun 2003 telah menjangkau 8 tahun pelaksanaan (KPM, Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 5/2003). Sudah pasti terdapat impak dan natijah daripada pelaksanaan tersebut terhadap pelajar termasuk pelajar pekak khususnya terhadap penguasaan mata pelajaran pendidikan Islam dan aspek-aspek asas fardu ain yang terkandung di dalamnya.

### **Penilaian Perkara Asas Fardu Ain**

Penguasaan fardu ain dan kecerdasan kerohanian tidak mungkin dicapai tanpa melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Pengajaran guru dan pengurusan bilik darjah melibatkan beberapa matlamat penting iaitu membina suasana pembelajaran yang terbaik dalam bilik darjah untuk meningkatkan motivasi pelajar dan mengembangkan sikap tanggungjawab dan berupaya untuk mengatur rancangan sendiri (Noraini Idris

2009) serta membina kebolehan murid dalam menggunakan ilmu pengetahuan supaya individu dapat berfungsi dalam kehidupan seharian dengan berkesan. Setiap guru perlu mengetahui prinsip-prinsip pengurusan bilik darjah supaya dapat mengendalikan pengurusan bilik darjah dengan lebih efektif (Noraini Idris 2009) ke arah mencapai matlamat dan hasil pembelajaran. Matlamat dan hasil pembelajaran dapat diukur melalui amalan penilaian atau pentaksiran pembelajaran. Dalam hal ini, Moore (2003) berpendapat pentaksiran tradisional tidak berjaya kerana tidak mengambil kira pencapaian pelajar secara menyeluruh (Moore, W. 2003). Inilah yang menjadi cabaran kepada guru-guru yang mengajar pelajar pekak yang diketahui umum bahawa pelajar-pelajar ini mempunyai beberapa kelemahan berbanding pelajar biasa dalam menguruskan proses pengajaran dan pembelajaran dan mendapatkan hasil melalui proses penilaian dan pentaksiran. Usaha berterusan melalui kecekalan, keikhlasan dan kepelbagaian teknik serta pendekatan amat diperlukan dalam kalangan guru dalam usaha untuk memberi kefahaman dan penguasaan agama kepada pelajar pekak.

### Metodologi Kajian

Kajian ini adalah kajian tinjauan yang menggunakan kaedah soal selidik bagi mendapatkan data. Responden kajian terdiri daripada 20 orang pelajar di sebuah sekolah menengah Pendidikan Khas Masalah Pendengaran di Malaysia.

### Dapatan Tentang Persepsi Pelajar Bermasalah Pendengaran Terhadap Pembelajaran Asas Fardu Ain

Dapatan soal selidik yang dijalankan dapat mengenal pasti perkara-perkara sebagaimana dalam jadual di bawah :

Jadual 1: Jantina Responden

Jantina	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Lelaki	9	45
perempuan	11	55
Jumlah	20	100

Jadual 2: Umur Responden

Umur	Kekerapan (f)	Peratus (%)
17 tahun	4	20
18 tahun	15	75
19 tahun	1	5
Jumlah	20	100

Jadual 1 dan 2 menunjukkan jantina dan umur responden. Pelajar perempuan melebihi pelajar lelaki dengan latar umur yang berbeza dan kekerapan pelajar pada umur 18 tahun adalah paling ramai menjadi responden kajian. Walau bagaimanapun, perbezaan umur ini tidak begitu memberi kesan dan mempengaruhi pelajar dalam menjawab soal selidik yang diedarkan.

Jadual 3:  
Persepsi terhadap Pembelajaran Fardu Ain

BBil	Item	STS F (%)	TS F (%)	S F (%)	SS F (%)	Min
1.	Saya rasa pembelajaran fardu ain adalah penting seperti mata pelajaran lain	-	4 (20)	10 (50)	6 (30)	3.10
2.	Pembelajaran fardu ain senang difahami	-	4 (20)	12 (60)	4 (20)	3.00
3.	Tidak perlu menghadiri kelas tambahan untuk fardu ain*	3 (15)	9 (45)	5 (25)	3 (15)	2.40
4.	Pembelajaran fardu ain sepatutnya tidak diwajibkan kepada pelajar-pelajar Islam*	-	5 (25)	5 (25)	10 (50)	3.25
5.	Saya suka jika pembelajaran fardu ain habis dengan cepat*	3 (15)	11 (55)	4 (20)	2 (10)	2.75
6.	Saya senang faham kandungan fardu ain	1 (5)	12 (60)	6 (30)	1 (5)	2.35
7.	Saya selalu menunggu waktu pembelajaran fardu ain	-	7 (35)	13 (65)	-	2.65
8.	Saya tidak faham istilah-istilah dalam fardu ain*	1 (5)	7 (35)	10 (50)	2 (10)	2.65
9.	Jika diberi pilihan, saya tidak mahu belajar fardu ain*	6 (30)	3 (15)	8 (40)	3 (15)	2.40
10.	Pembelajaran fardu ain dapat menambah pengetahuan agama saya	-	4 (20)	9 (45)	7 (35)	3.15
11.	Pembelajaran fardu ain tidak ada kaitan dengan bidang pekerjaan yang saya cita-citakan	-	4 (20)	9 (45)	7 (35)	2.15
12.	Semasa guru mengajar fardu ain, saya membuat kerja lain*	-	6 (30)	12 (60)	2 (10)	2.80
13.	Saya selalu dapat menjawab soalan fardu ain dengan cepat	2 (10)	7 (35)	10 (50)	1 (5)	2.50
14.	Masa pembelajaran fardu ain perlu ditambah	1 (5)	5 (25)	13 (65)	1 (5)	2.70
15.	Saya lebih suka belajar mata pelajaran lain daripada fardu ain*	-	14 (70)	5 (25)	1 (5)	2.35
16.	Saya tidak suka belajar fardu ain kerana susah*	-	5 (25)	10 (50)	5 (25)	3.00
17.	Saya belajar fardu ain kerana ibu bapa paksa*	3 (15)	5 (25)	11 (55)	1 (5)	2.50
18.	Saya berusaha bersungguh-sungguh untuk faham fardu ain	-	6 (30)	9 (45)	5 (25)	3.00
19.	Saya selalu elak diri dari kelas fardu ain kerana pembelajaran fardu ain kurang menarik*		8 (40)	9 (45)	3 (15)	2.75
20.	Saya betul-betul untuk faham fardu ain dengan baik	-	4 (20)	11 (55)	5 (25)	3.05
21.	Saya berusaha untuk aktif semasa aktiviti pembelajaran fardu ain	-	6 (30)	11 (55)	3 (15)	2.85
22.	Saya merasa bosan setiap kali belajar fardu ain*	-	5 (25)	10 (50)	5 (25)	3.00
23.	Saya rasa fardu ain adalah penting dalam kehidupan saya sebagai pelajar	-	3 (15)	7 (35)	10 (50)	3.35

24.	Pembelajaran fardu ain di sekolah mengganggu tumpuan saya kepada mata pelajaran lain*	1 (5)	4 (20)	7 (35)	8 (40)	3.10
25.	Saya berminat mempelajari fardu ain kerana mendapat memperbaiki amalan saya	-	2 (10)	13 (65)	5 (25)	3.15
26.	Saya lebih yakin untuk belajar ilmu agama jika saya faham fardu ain	-	2 (10)	17 (85)	1 (5)	2.95
27.	Jika saya betul-betul faham fardu ain lebih kuat semangat saya untuk beribadah	-	-	15 (75)	5 (25)	3.25
28.	Saya memang tidak boleh faham fardu ain*	-	12 (60)	7 (35)	1 (5)	2.45
29.	Saya perlu betul-betul faham fardu ain dengan baik untuk memperbaiki hidup saya sebagai Muslim	-	3 (15)	14 (70)	3 (15)	3.00
30.	Saya mahu belajar fardu ain dengan lebih banyak supaya saya boleh jadi pelajar Islam yang baik	-	1 (5)	12 (60)	7 (35)	3.30
31.	Saya senang putus asa kalau tidak dapat faham fardu ain dengan betul*	1 (5)	6 (30)	10 (50)	3 (15)	2.45
32.	Saya selalu berusaha untuk menghadiri kelas tambahan fardu ain yang diadakan	-	9 (45)	11 (55)	-	2.55
33.	Saya harap dapat bantuan untuk faham fardu ain	-	2 (10)	15 (75)	3 (15)	3.05
34.	Saya berusaha untuk betul-betul faham fardu ain	-	6 (30)	11 (55)	3 (15)	2.85
35.	Saya rasa fardu ain penting dalam mata pelajaran Pendidikan Islam	-	1 (5)	12 (60)	7 (35)	3.30
36.	Saya rasa pembelajaran fardu ain perlu ada waktu khas	1 (5)	2 (10)	16 (80)	1 (5)	2.85

Jadual 3 menunjukkan kekerapan jawapan pelajar yang diperolehi daripada keseluruhan item dalam soal selidik yang diedarkan serta min setiap satu item yang ditanya.

## Perbincangan

Jadual 4 :  
Minat terhadap fardu ain

	Item	Min
1.	Jika diberi pilihan, saya tidak mahu belajar fardu ain*	2.40
2.	Saya selalu dapat menjawab soalan fardu ain dengan cepat	2.50
3.	Saya lebih suka belajar mata pelajaran lain daripada fardu ain*	2.35
4.	Saya tidak suka belajar fardu ain kerana susah*	3.00
5.	Saya belajar fardu ain kerana ibu bapa paksa*	2.50
6.	Saya berusaha bersungguh-sungguh untuk faham fardu ain	3.00
7.	Saya betul-betul untuk faham fardu ain dengan baik	3.05
8.	Saya berusaha untuk aktif semasa aktiviti pembelajaran fardu ain	2.85
9.	Saya merasa bosan setiap kali belajar fardu ain*	3.00

10.	Saya senang putus asa kalau tidak dapat faham fardu ain dengan betul*	2.45
11.	Saya selalu berusaha untuk menghadiri kelas tambahan fardu ain yang diadakan	2.55
12.	Saya harap dapat bantuan untuk faham fardu ain	3.05
13.	Saya berusaha untuk betul-betul faham fardu ain	2.85
MIN KESELURUHAN		2.77

Jadual 4 menunjukkan min minat pelajar terhadap fardu ain. Min keseluruhan minat pelajar terhadap fardu ain berada pada tahap minat iaitu 2.77. Walau bagaimanapun 3 item soal selidik menunjukkan min minat pelajar berada pada tahap tidak minat, iaitu item jika diberi pilihan, saya tidak mahu belajar fardu ain, saya lebih suka belajar mata pelajaran lain daripada fardu ain dan saya senang putus asa kalau tidak dapat faham fardu ain dengan betul. Ini menunjukkan minat pelajar untuk mempelajari fardu ain masih berada pada tahap yang perlu dipertingkatkan lagi kerana pelajar tidak mahu belajar fardu ain, pelajar lebih suka belajar mata pelajaran lain daripada fardu ain dan pelajar mudah putus asa sekiranya tidak dapat memahami fardu ain dengan betul. Minat yang kurang mendalam terhadap fardu ain menyebabkan mereka mudah berputus asa dalam mempelajari fardu ain sekiranya menghadapi sebarang masalah untuk memahaminya. Pelbagai cara dan kreativiti daripada pihak guru perlu dipertingkatkan bagi memastikan minat pelajar terhadap fardu ain dapat diperbaiki dan pelajar akan berusaha bersungguh-sungguh untuk memahami fardu ain timbul daripada minat yang tinggi terhadap perkara tersebut. Skor min paling rendah minat pelajar adalah 2.35 iaitu lebih suka belajar mata pelajaran lain daripada fardu ain. Ini menunjukkan mereka memang tidak meminati pembelajaran fardu ain.

Jadual 5:  
Kepentingan P&P Fardu Ain

Bil	Item	Min
1.	Saya rasa pembelajaran fardu ain adalah penting seperti mata pelajaran lain	3.10
2.	Pembelajaran fardu ain dapat menambah pengetahuan agama saya	3.15
3.	Pembelajaran fardu ain tidak ada kaitan dengan bidang pekerjaan yang saya cita-citakan	2.15
4.	Saya rasa fardu ain adalah penting dalam kehidupan saya sebagai pelajar	3.35
5.	Pembelajaran fardu ain di sekolah mengganggu tumpuan saya kepada mata pelajaran lain*	3.10
6.	Saya berminat mempelajari fardu ain kerana mendapat memperbaiki amalan saya	3.15
7.	Saya lebih yakin untuk belajar ilmu agama jika saya faham fardu ain	2.95
8.	Jika saya betul-betul faham fardu ain lebih kuat semangat saya untuk beribadah	3.25
9.	Saya perlu betul-betul faham fardu ain dengan baik untuk memperbaiki hidup saya sebagai Muslim	3.00
10.	Saya mahu belajar fardu ain dengan lebih banyak supaya saya boleh jadi pelajar Islam yang baik	3.30
11.	Saya rasa fardu ain penting dalam mata pelajaran Pendidikan Islam	3.30
MIN KESELURUHAN		3.07



Jadual 5 menunjukkan min persepsi pelajar terhadap kepentingan pembelajaran fardu ain di sekolah. Min keseluruhan menunjukkan bahawa persepsi pelajar terhadap kepentingan fardu ain juga berada pada tahap penting iaitu 3.07, walau bagaimanapun terdapat 1 item menunjukkan bahawa pelajar berpandangan pembelajaran fardu ain adalah tidak penting iaitu item pembelajaran fardu ain tidak ada kaitan dengan bidang pekerjaan yang saya cita-citakan. Perkara ini menunjukkan pelajar pekak beranggapan fardu ain tidak mempunyai kaitan dengan bidang kerjaya yang dicita-citakan. Oleh itu pembelajaran fardu ain tidak begitu diberi tumpuan kerana mereka tidak berminat dengan kerjaya yang berkaitan dengan keagamaan. Walau bagaimanapun min keseluruhan masih menunjukkan bahawa secara keseluruhannya pelajar masih tidak meletakkan fardu ain sebagai perkara yang terpenting dalam pembelajaran mereka sama ada untuk dikuasai atau dipelajari dengan sebaik-baiknya. Hal ini perlu diambil perhatian serius oleh para guru bagi memperbaiki persepsi pelajar dan mengubah situasi yang berlaku kerana ia sudah semestinya akan memberikan kesan kepada penguasaan mereka terhadap tahap kefahaman fardu ain dalam pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah. Skor min paling tinggi 3.35 iaitu merasakan fardu ain adalah penting dalam kehidupan mereka sebagai pelajar. Kebanyakan pelajar memang merasakan bahawa fardu ain penting dalam kehidupan mereka sebagai pelajar, tetapi bertentangan dengan skor min paling rendah 2.15 iaitu pembelajaran fardu ain tidak ada kaitan dengan bidang pekerjaan yang mereka cita-citakan. Walaupun pelajar merasakan bahawa fardu ain penting dalam kehidupan mereka, tetapi disebabkan pembelajaran fardu ain tidak ada kaitan dengan bidang pekerjaan yang mereka cita-citakan, maka secara tidak langsung penekanan terhadap pembelajaran fardu ain akan berkurangan dengan sendirinya berbanding dengan mata pelajaran lain. Penekanan pembelajaran hanya akan diberi kepada mata pelajaran yang mempunyai kaitan dengan bidang pekerjaan yang akan mereka ceburi nanti.

Jadual 6 : Pandangan terhadap P&P Fardu Ain

Bil	Item	Min
1.	Pembelajaran fardu ain senang difahami	3.00
2.	Tidak perlu menghadiri kelas tambahan untuk fardu ain*	2.40
3.	Pembelajaran fardu ain sepatutnya tidak diwajibkan kepada pelajar-pelajar Islam*	3.25
4.	Saya suka jika pembelajaran fardu ain habis dengan cepat*	2.75
5.	Saya senang faham kandungan fardu ain	2.35
6.	Saya selalu menunggu waktu pembelajaran fardu ain	2.65
7.	Saya tidak faham istilah-istilah dalam fardu ain*	2.65
8.	Semasa guru mengajar fardu ain, saya membuat kerja lain*	2.80
9.	Masa pembelajaran fardu ain perlu ditambah	2.70
10.	Saya selalu elak diri dari kelas fardu ain kerana pembelajaran fardu ain kurang menarik*	2.25
11.	Saya memang tidak boleh faham fardu ain*	2.45
12.	Saya rasa pembelajaran fardu ain perlu ada waktu khas	2.85
MIN KESELURUHAN		2.72

Jadual 6 menunjukkan min persepsi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran fardu ain di sekolah. Min keseluruhan juga menunjukkan persepsi pelajar terhadap P&P berada pada tahap yang sederhana sahaja, iaitu 2.72. Ini memberikan satu maklumat kepada para guru agar memperbaiki pengajaran mereka bagi meningkatkan kefahaman dan minat pelajar terhadap fardu ain dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah. Walaupun min keseluruhan persepsi pelajar berada pada tahap sederhana, tetapi terdapat 3 item yang berada pada tahap rendah iaitu tidak perlu menghadiri kelas tambahan untuk fardu ain, senang faham kandungan fardu ain, selalu elak diri dari kelas fardu ain kerana pembelajaran fardu ain kurang menarik, dan memang tidak boleh faham fardu ain. Ini menunjukkan terdapat permasalahan dalam pembelajaran fardu ain kerana pelajar tidak ingin menghadiri kelas tambahan fardu ain, pelajar selalu mengelak diri dari kelas fardu ain kerana pembelajaran fardu ain kurang menarik, pelajar sukar untuk memahami kandungan fardu ain, dan memang pelajar tidak boleh faham fardu ain.

Guru perlu berusaha lebih gigih bagi memperbaiki keadaan tersebut dalam usaha untuk meningkatkan kefahaman dan penguasaan pelajar dalam pembelajaran Pendidikan Islam, khususnya memberi kefahaman yang lebih baik dan mantap tentang fardu ain ke dalam pemikiran pelajar-pelajar bermasalah pendengaran.

### **Kesimpulan dan cadangan**

Secara keseluruhannya min persepsi pelajar terhadap fardu ain, sama ada dari aspek minat, kepentingan, dan P&P guru berada pada tahap yang sederhana dan memerlukan kepada satu penambahbaikan. Hal ini perlu diambil perhatian serius oleh para pendidik, terutamanya guru-guru yang terlibat secara langsung dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah pendidikan khas.

Sebagai kesimpulan dapatan kajian ini, pelajar-pelajar pekak memang meminati pembelajaran fardu ain. Mereka juga menganggap pembelajaran fardu ain adalah penting dalam kehidupan mereka, tetapi dalam masa yang sama mereka menganggap sesi P&P kurang memberi makna. Ini dapat dibuktikan apabila hampir kebanyakan item berkenaan P&P berada pada tahap min yang sederhana dan skor min keseluruhan juga menunjukkan persepsi pelajar pekak terhadap P&P fardu ain berada pada tahap yang sederhana. Implikasi daripada dapatan tersebut pelajar tidak begitu memberi tumpuan terhadap P&P fardu ain yang akhirnya menyebabkan kepada kurangnya penguasaan dalam perkara asas fardu ain

Guru perlu berusaha menarik minat pelajar untuk lebih mendalami fardu ain dan menanam keyakinan kepada pelajar bahawa amat penting kepada setiap individu untuk memahami fardu ain ke arah membentuk dan membina keperibadian muslim yang mengetahui, memahami, mampu beramal dan menghayati keperluan asas seorang muslim

Guru perlu berusaha dalam aspek P&P untuk menjadikan sesi pengajaran dan pembelajaran fardu ain dalam komponen Pendidikan Islam sebagai sesi pembelajaran yang menarik dan memberi makna kepada pelajar. Menggunakan kaedah yang pelbagai seperti pembelajaran berpusatkan murid, teknik penerangan disertakan dengan amali dan tunjuk cara, teknik penyelesaian masalah serta pembelajaran berasaskan masjid agar pelajar merasakan P&P fardu satu waktu yang ditunggu-tunggu dan mereka sangat berminat untuk menghidirinya.

### **Penutup**

Tanggungjawab mendidik dan membimbing pelajar untuk melahirkan insan yang bertaqwa adalah terpikul di atas bahu guru pendidikan Islam. Perkara ini memerlukan usaha berterusan dan kaedah yang pelbagai. Guru perlu meluangkan masa dan fikiran untuk memikirkan cara dan meningkatkan kreativiti diri dalam pengajaran dan pembelajaran fardu ain untuk pelajar pekak bagi memastikan tanggungjawab mendidik dan membimbing ini dapat direalisasikan dalam melahirkan dan melaksanakan tanggungjawab menyalurkan ilmu dan pengetahuan yang bermanfaat serta dapat diaplikasikan khususnya oleh para pelajar pekak yang muslim ini dalam menghadapi cabaran dan kehidupan seharian. Hidayah adalah urusan Allah tetapi usaha dakwah Islam perlu dijalankan secara bersungguh-sungguh bagi memastikan ilmu dan maklumat dapat disalurkan dan diamalkan sebaiknya dalam usaha untuk menjadi insan yang mendapat kebaikan di dunia dan di akhirat.

## **Rujukan**

Al-Quran.

Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685), Bahagian II, Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya.

Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), Bab 8 Pendidikan Khas.

Kementerian Pelajaran Malaysia (1980), *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran* (7hb November 1979), cet 2, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pelajaran Malaysia, Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 17/2002 : Pelaksanaan, Penilaian Perkara Asas Fardhu Ain di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah KP(BS) 8591/Jld.XVIII (17) bertarikh 3 Disember 2002.

Kementerian Pelajaran Malaysia, Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 4/1994 : Penilaian Perkara Asas Fardu Ain Dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) KP5206/8/70 Jld.13/ (14) bertarikh 12 Mac 1994.

Kementerian Pelajaran Malaysia, Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 5/1998, *Akta Pendidikan 1996 dan Peraturan-peraturan di bawah Akta Pendidikan 1996*, KP (BS) 8591/Jld. XIV (5) bertarikh 25 Mac 1998 .

Kementerian Pelajaran Malaysia, Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 5/2003 : Pelaksanaan, Kurikulum Semakan Pendidikan Islam dan Bahasa Arab KP(BS) 8591/Jld.XVIII (5) bertarikh 28 Julai 2003.

Kementerian Pendidikan Malaysia (1995) *Panduan Penilaian Perkara Asas Fardu Ain*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Lembaga penyelidikan Undang-Undang (2008), *Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), Peraturan-peraturan dan Kaedah-kaedah terpilih : hingga 25hb Januari 2008*, Kuala Lumpur : International Law Book Services.

Moore, W. (2003), "Facts and Assumptions of Assessment : Technology, The Missing Link", dalam <http://thejournal.com/articles/2003/01/01/facts-and-assumptions-of-assessmenttechnology-the-missing-link.aspx>, 22 Mac 2010.

Noraini Idris (2009), "Isu dan Cabaran Dalam Pengajaran dan Pembelajaran", dalam Noraini Idris dan Shuki Osman (2009), *Pengajaran dan Pembelajaran Teori dan Praktis*, Kuala Lumpur : McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.

## **IMPLEMENTASI PENGAJARAN PERGERAKAN KREATIF TERHADAP PEMBANGUNAN KECERDASAN PELBAGAI**

**Muhammad Fazli Taib bin Saearani**

Universiti Pendidikan Sultan Idris. Jabatan Seni Persembahan,  
Fakulti Muzik dan Seni Persembahan  
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia  
fazli@fmsp.upsi.edu.my

### **Abstrak**

Pengajaran pergerakan kreatif membekalkan aspek sokongan pembelajaran yang melibatkan fizikal dan mental mengetengahkan konsep penerokaan imaginasi dan kreativiti. Kertas kerja ini ditulis bertujuan memperlihatkan implementasi aktiviti pergerakan kreatif terhadap teoritikal yang dibina oleh Howard Gardner pada tahun 1983. Elemen pengajaran pergerakan kreatif yang berteraskan kepada: Tubuh, ruang, masa dan daya adalah bentuk eksplorasi ke arah pembinaan kecerdasan pelbagai. Aspek ini merupakan perkembangan terbaik untuk dibangunkan dalam model pendidikan masa kini memberi landasan berguna terhadap keintelektualan pelajar membina daya cipta kreatif.

Kata kunci : pengajaran pergerakan kreatif, kecerdasan pelbagai

### **Pengenalan**

Penyediaan menerbitkan program melestarikan integrasi ke arah pengajaran berbentuk aplikasi kreatif menjadi sokongan penting terhadap sistem pendidikan masa kini. Pergerakan kreatif merupakan contoh aktiviti yang berlandaskan ke arah membangunkan daya cipta kreatif pelajar dengan keperluan peningkatan kemahiran pelbagai. Hal ini dilihat dari aspek kesedaran untuk pembangunan potensi pelajar bagi menampilkan idea-idea kreatif dengan dasar-dasar gerak yang difikirkan unik untuk dipersembahkan. Modul-modul pendidikan seumpama ini menjadi faktor penting terhadap proses pembinaan pengajaran di sekolah bagi memberikan kepuasan untuk pelajar menjana kreativiti melalui pergerakan.

Sebenarnya, di dalam aktiviti pengajaran, pelbagai alternatif yang boleh dibina bagi mempertingkatkan mutu kreativiti seseorang pelajar dari aspek fizikal dan mental. Tumpuan terhadap fizikal yang memainkan peranan penting menggunakan tubuh sebagai tunjang utama membentuk pergerakan manakala otak mencari pembinaan sebuah pergerakan yang diinginkan. Proses ini melihat sejauhmana fizikal dan mental mempunyai kaitan membantu mempertingkatkan mutu perbendaharaan gerak dalam diri individu bagi mempraktikkan pergerakan kreatif di aktiviti lapangan. Implikasi ini memberikan proses kreatif selari dengan matlamat dalam usaha membentuk keupayaan optimum pelajar pada persekitaran pembelajaran untuk pembangunan kecerdasan pelbagai.

Kertas kerja ini bertujuan memberikan pengetahuan terhadap implementasi pengajaran pergerakan kreatif terhadap pembangunan kecerdasan pelbagai. Howard Gardner menerusi Teori *Multiple Intelligence* (kecerdasan pelbagai) yang diperkenalkan pada tahun 1983 memberikan sembilan landasan teoritikal yang menjadi sumber terbaik untuk diaplikasi di dalam pengajaran aktiviti pergerakan kreatif. Elemen tubuh, ruang, masa dan daya menjadi keperluan bagi memenuhi sebuah aplikasi pengajaran ke arah rangsangan fizikal dan mental. Kewujudan pergerakan yang dibina dengan rangkaian bentuk-bentuk aksi dan gerak menjadi nadi pada proses penciptaan gerak yang kreatif. Keperluan membekalkan sokongan modul pembelajaran seumpama ini memberikan kepentingan terhadap mewujudkan nilai kecerdasan menerusi konsep penerokaan ilmu melalui pembinaan imaginasi penginterpretasian pengajaran yang dinamik dan efisien.

### **Pergerakan Kreatif**

Menurut Laban (1975) pergerakan merupakan proses pertukaran dari satu tempat ke satu tempat mengikut haluan secara mengalir, mempunyai transisi dinamik berubah mengikut bentuk dan menggunakan kualiti tenaga bagi pelaksanaan aneka gerak yang aktif. Kajian beliau mendapati terdapat empat komponen pergerakan: (1) Tubuh badan, (2) Ruang, (3) Daya dan (4) Perhubungan. Setiap persoalan menghuraikan apakah yang dilakukan oleh tubuh badan?, ke arah manakah tubuh badan bergerak?, bagaimanakah tubuh badan bergerak? dan apakah perhubungan-perhubungan yang berlaku semasa tubuh badan bergerak?

Menurut Salmah Ayob (1994) pergerakan kreatif merangkumi landasan aktiviti penjelajahan pergerakan, pendidikan pergerakan moden, pendidikan pergerakan, pergerakan pendidikan berirama dan drama kreatif. Menurut Fowler (1981) definisi pendidikan pergerakan merupakan asas dalam pengendalian berdasarkan struktur pengajaran melalui kemahiran motor seiring bersama asas pergerakan yang lain seperti bermain, menari dan kesemua yang melibatkan aktiviti fizikal. Pergerakan kreatif sumber kepada penciptaan imaginasi pergerakan melalui perlakuan yang mungkin sahaja peniruan aksi dikembangkan mahupun dengan dasar-dasar karektor dari sudut pelbagai mengikut keinginan asas naluri yang ingin diekspresi. Lloyd (1998) berpendapat pergerakan kreatif merupakan bentuk pernyataan sendiri yang unik di mana ianya dapat mengekspresikan diri, idea dan perasaan. Matlamatnya ialah berkomunikasi melalui pergerakan. Komponen seperti badan, ruang, masa dan daya adalah terpenting di dalam asas pergerakan kreatif. Ia meliputi proses seseorang individu atau kumpulan memilih pergerakan yang bersesuaian dengan apa yang dikehendaki mengikut ekspresi, tema, mempersembahkan tarian dan sebagainya. Aktiviti yang bukan terikat pada susunan ragam tari yang diajar oleh guru seterusnya pelajar menghafal pergerakan itu, tetapi direka bentuk dengan kaedah membentuk pergerakan hasil daripada bimbingan guru.

Terdapat pelbagai rangkaian rupa bentuk serta simbol alam yang dapat dibina melalui pergerakan serta dijadikan sebagai sumber bagi menerokai aneka ragam gerak yang penuh dengan keindahan. Dalam erti kata lain, walaupun sumber pergerakan adalah tubuh badan tetapi keupayaan pergerakan dapat membina sebuah rangkaian gerak yang pelbagai sehingga menampilkan estetika dan kreativiti pada gaya pergerakan yang dipersembahkan. Gerak yang kreatif adalah suatu yang kompleks diibaratkan sebagai

melakukan, membuat atau menunjukkan gaya yang tersendiri. Kesemuanya ini dibentuk melalui kreativiti individu itu sendiri. Pergerakan mempunyai proses pembinaan dan pembentukan struktur gerak bagi penciptaan laluan membina pemikiran kreatif. Bagi menghasilkan aneka gerak, gaya pemikiran serta rasa keinginan mencari ruang adalah pembinaan transformasi terbaik pengalihan potensi diri. Abdullah dan Ainon (1996) menjelaskan kreatif ditandai oleh keupayaan melihat sesuatu daripada pelbagai sudut. Seseorang melakukan suatu bentuk pemikiran mencapah yang menuntut untuk berfikir dari pelbagai aspek dan adakalanya tidak masuk akal. Apabila berfikir dengan pencapaian daya kreatif, matlamat berfikir untuk menghasilkan pelbagai persepsi, konsep, idea, cara menyelesaikan masalah, cara meleraikan konflik, reka cipta membawa kepada pembinaan pengalaman baru.

Menurut Kassing dan Jay (2003) pergerakan kreatif memberikan fokus terhadap pembinaan reka cipta gerak melalui perbuatan seharian ataupun pada terma tari yang spesifik iaitu lokomotor dan bukan lokomotor. Hal ini bagi membina bentuk pergerakan yang meluas kemahirannya. Aktiviti ini membekalkan banyak keperluan dari aspek sokongan pembelajaran melibatkan fizikal dengan memberikan konsep penerokaan melalui pembinaan imaginasi tubuh badan. Laban (1975) menyatakan bahawa konsep-konsep seperti kesedaran terhadap tubuh, ruang, daya dan hubungan menjadi titik tolak bagi meletakkan penghayatan pada aktiviti yang dijalankan. Irama dan lagu menjadi teras terhadap rangsangan berfikir dalam mengangkat ekspresi gerak yang ingin ditampilkan. Takrifan terhadap istilah tersebut menjadi alat perhubungan di antara pemikiran serta perasaan yang terhasil melalui penggunaan tubuh badan. Ia dilihat sebagai cara individu itu menggunakan pergerakan dengan tujuan untuk menyatakan kebebasan berkomunikasi bagi pencapaian kepuasan peribadi. Kepuasan dari aspek meluahkan perasaan merupakan pengisian terhadap menjalani aktiviti dengan melalui proses merasai dan mendalami perasaan yang hadir untuk diluahkan. Melalui aktiviti tersebut, rasa dan perasaan yang ingin ditampilkan menjadi medium untuk bereksperimentasi. Proses ini dilihat memberikan bantuan pencernaan minda produktif dalam menghasilkan sebuah pendidikan pergerakan yang berguna pada pementapan mental dan emosi.

Menurut H'Doubler (1946) pergerakan kreatif adalah sejenis bentuk tari yang berunsur pendidikan dapat membantu proses tumbesaran. Proses ini kemudian membentuk pemikiran mental dan merencana aktiviti yang merangsang daya fikir, pertumbuhan fizikal dan spiritual. Ini membolehkan individu menghayati serta menghadapi tuntutan-tuntutan hidup dengan berkesan. Bentuk pergerakan tari adalah merujuk kepada ekspresi mental dan jasmani yang dilakukan secara jujur dan spontan. Apa yang dipersembahkan itu bukan bertujuan untuk menarik perhatian atau mencetuskan rasa dan emosi, tetapi ialah untuk mencurahkan perasan dalaman yang hadir pada diri sendiri. Ia merupakan ekspresi sendiri yang disalurkan melalui aktiviti pergerakan.

Bentuk pengajaran yang menekankan dari segi pengisian, pemahaman dan persepsi kreativiti menjadi keperluan penting pada aktiviti yang dibangunkan. Minton (2003) berpendapat penekanan yang terkandung pada aktiviti pergerakan kreatif ialah ekspresi diri dalam gerak, pembentukan kedudukan tubuh badan yang efisien dan refleksi diri iaitu sebagai saluran kehendak perasaan diangkat bagi memenuhi lepasan naluri yang ingin dibebaskan. Penciptaan aneka ragam gerak menerusi pelbagai bentuk dan aksi dilihat memberikan perkembangan terhadap aspek psikologi, bagi pengukuhan

perasaan dalaman. Melalui pengolahan terhadap pengisian pembinaan aktiviti gerak ia membentuk rangsangan keinginan terhadap keperluan mengenali identiti individu. Hal ini menjadi landasan berguna memberikan bentuk perlepasan iaitu bermain dengan ruang dimensi diri. Proses tersebut sebagai rangsangan rohani untuk meningkatkan potensi diri menjadi lebih kreatif dan berdisiplin. Medium perlepasan emosi menjadi amat penting pada pengajaran aktiviti pergerakan kreatif yang menjadikan gerak sebagai sumber kebebasan berinteraksi terhadap sekitarnya.

Oleh hal yang demikian, dapat diketahui di sini bahawa aktiviti pergerakan kreatif merupakan bentuk pengajaran yang bukan sahaja menjana kreativiti tetapi menerbitkan santapan rohani dan keyakinan diri. Bentuk pengajaran yang menerapkan proses pengalaman imaginasi kreatif melalui penerokaan citarasa gerak yang ingin dicipta, menjadi penguasaan terhadap interpretasi mengatur operasi daya fikir ke tahap yang aktif dan dinamik. Kaedah pengajaran pergerakan kreatif yang memberi tumpuan pada eksplorasi, peninjauan dan perlepasan naluri dan perasaan menjadikan pembinaan pengajaran yang dibina lebih cenderung ke arah ekspresi diri. Ia adalah nadi estetika perasaan dalam penciptaan pergerakan mahupun kreativiti yang terbentuk pada rasa pergerakan yang ingin dipersembahkan. Kesemuanya adalah proses memberi pengiktirafan identiti diri menampilkan ciri-ciri individu yang mempunyai gaya berfikir secara intelektual. Hal ini merupakan pembinaan pengisian yang sangat berguna berdasarkan rangsangan persekitaran serta aktiviti pengajaran mengikut teknik dan kaedah ke arah pencarian potensi diri untuk berkreativiti. Menerusi pendekatan pengajaran pergerakan kreatif, ia menekankan terhadap penghasilan, pembentukan, penerokaan dan penciptaan mengetengahkan suatu kaedah memberikan keupayaan individu untuk membentuk kefahaman dan kesedaran terhadap pembangunan diri. Menyedari hakikat ini, keperluan pergerakan kreatif sebenarnya sangat membantu menerusi penyatuan rangsangan-rangsangan mental, rohani dan fizikal sebagai tunjang pembentukan kepelbagaian kecerdasan di kalangan pelajar.

### **Reka bentuk Pengajaran Pergerakan Kreatif**

Reka bentuk modul pengajaran berteraskan pergerakan kreatif mempunyai penekanan terhadap corak pembinaan berlandaskan mencungkil keunikan bakat individu. Kaedah pengajaran merangkumi aspek teknik pengaplikasian secara verbal dan fizikal menjadi landasan terhadap ciri membangunkan sahsiah, disiplin, kemahiran serta imaginasi kreatif bagi menguatkan rangsangan pembentukan pengajaran yang berlandaskan penggunaan modul ini. Dari aspek yang lain, implementasi pengajaran pergerakan kreatif perlu mencapai objektif dari pelbagai sudut dan skop yang ingin dikhususkan. Selari dengan itu, pembangunan sebuah modul pergerakan kreatif perlu dilandaskan kepada proses pengajaran efisien dan dinamik. Istilah pengajaran pergerakan kreatif merujuk kepada pembelajaran berteraskan fizikal bermaksud proses yang membawa individu untuk memperolehi kecekapan pergerakan menerusi teknik-teknik menyelesaikan masalah dan improvisasi. Penekanan pada kebebasan ekspresi berlandaskan kegiatan penerokaan dan penemuan dimensi kreativiti menjadi landasan penting di mana pengajaran seperti ini menumpukan pengalaman belajar untuk bergerak dan bergerak untuk belajar menerusi olahan penciptaan aneka ragam gerak.

Ia menjadi agen penting mendorong kegiatan-kegiatan pembangunan keyakinan, kemahiran berfikir dan penyelesaian masalah bagi pembentukan konsep pembelajaran yang merangsang pengukuhan imej sendiri yang kukuh. Aktiviti ini bersifat menyalurkan interpretasi sebuah perilaku diri yang unik dibina melalui gerak kreatif. Penekanan terhadap aspek-aspek intelek, emosi dan spiritual menjadikan ianya skop yang khusus dengan penggunaan tubuh badan sebagai alat pembinaan mencipta gerak. Hakikatnya, pengalaman penciptaan rangkaian pergerakan itu dianggap pengukuhan dinamik di mana dapat membentuk individu yang fleksibel bagi menguasai cara-cara mengawal pergerakan, mempertingkatkan keupayaan kapasiti pergerakan dan menggunakan anggota serta minda bagi mencapai tahap pergerakan yang bersifat seni kreatif. Pembinaan bentuk kaedah pengajaran seumpama ini mempunyai matlamat pendidikan dengan skop perancangan mengikut kehendak yang ingin direncanakan. Agenda mentadbirkan pembinaan modul tersebut adalah berdasarkan pencapaian objektif tertentu. Pembinaan sesebuah modul itu dibina menerusi 4 komponen seperti:

1. **Objektif** – merujuk kepada apakah matlamat yang ingin dicapai menerusi aktiviti yang dijalankan contoh tumpuan terhadap pembentukan kedudukan tubuh badan yang efisien.
2. **Pengisian** – keperluan terhadap kefahaman dari aspek mental dan fizikal contoh pengenalan terhadap aplikasi penggunaan tubuh untuk diolah umpama pemanasan badan yang dibina mengikut rangsangan kecerdasan pelbagai.
3. **Bentuk pergerakan kreatif** – merujuk kepada elemen yang terkandung dalam pergerakan kreatif iaitu (tubuh, ruang, masa dan daya) dengan skop aktiviti imaginasi kreatif.
4. **Keputusan** – tumpuan kepada untuk melihat matlamat dan proses yang dibina sama ada tercapai atau sebaliknya. Menerusi proses kaedah pengajaran seperti ini ianya dapat melihat organisasi struktur kepada pembangunan pergerakan kreatif secara efektif serta memberikan keputusan berdasarkan proses yang dijalankan.

### **Implementasi Pengajaran Pergerakan kreatif dalam Pembangunan Kecerdasan Pelbagai**

Menerusi teori kecerdasan pelbagai (*Multiple Intelligence*) yang mempunyai sembilan terma, dibina menerusi aturan ciri-ciri kecerdasan: (1) Kecerdasan Logikal-Matematik; (2) Kecerdasan Verbal-Linguistik; (3) Kecerdasan Visual-Ruang; (4) Kecerdasan Muzik; (5) Kecerdasan Kinestetik; (6) Kecerdasan Interpersonal; (7) Kecerdasan Intrapersonal (8) Kecerdasan Naturalis; dan (9) Kecerdasan Eksistensialisme. Kecerdasan merupakan bentuk kapasiti bagi menyelesaikan masalah atau membuat sesuatu yang merangkumi aspek nilai dan budaya. Ia menjadi rangsangan penaklukan nilai pencapaian identiti setiap individu bagi melahirkan estetika tumpuan hidup yang murni. Terdapat pelbagai jenis nilai kecerdasan yang hadir pada setiap lapisan masyarakat sosial. Nilai pada sesuatu budaya itu dilihat berupaya bagi menunjukkan motivasi pegangan melalui kemahiran dalam pelbagai lapangan. Berikut disenaraikan teori kecerdasan pelbagai (*Multiple Intelligence*) yang diaplikasi dalam implementasi pengajaran pergerakan kreatif:



## **1. Kecerdasan Logikal-Matematik**

Aplikasi yang melibatkan kecerdasan logikal-matematik adalah penekanan terhadap kaedah nombor, menaakul dan mengenal pasti pola yang berkaitan dengan sebab dan akibat. Dominan yang menjadi dasar kebolehan ini apabila bahagian otak dapat menaakul secara deduktif dan induktif serta pencapaian pemikiran secara konseptual dan abstrak. Teras terhadap pembangunan kecerdasan ini, menggabungkan keupayaan matematik dengan pengetahuan kemahiran yang diperolehi. Atas dasar itu, kecenderungan individu dapat dilihat apabila mampu menyelesaikan masalah secara kompleks berkaitan dengan pengiraan, membuat perkaitan, menyoal dan menganalisis. Individu yang mempunyai kecerdasan logikal-matematik, mempunyai tarikan terhadap kegiatan yang melibatkan eksplorasi. Menerusi aktiviti pergerakan kreatif, kebolehan menentukan bentuk, alasan deduktif dan pemikiran logik menjadi kegiatan utama diaplikasikan pada pengajaran. Kecerdasan ini melibatkan penggunaan tubuh yang diperlihatkan dengan pembinaan perbendaharaan gerak dengan simbol-simbol yang menarik. Simbol gerak yang ditampilkan adalah dengan memperlihatkan aneka ragam gerak melibatkan ekspresi wajah (marah, sedih, gembira) dengan paparan tubuh pelbagai gaya dan dramatik. Selain itu, aspek penggunaan kiraan menjadi keperluan penting apabila perubahan gerak dari satu tempat ke satu tempat berubah dengan iringan irama lagu yang berkumandang. Rangsangan ini mempunyai kaitan terhadap penguasaan gerak dan kiraan sebagai percubaan pencapaian keyakinan untuk menyelesaikan masalah. Proses-proses penghitungan frasa ragam gerak merangkumi perletakkan membina idea kreatif bersama tindakan yang logik serta kemahiran yang unik.

## **2. Kecerdasan Verbal-Linguistik**

Aspek kecerdasan melibatkan jenis verbal linguistik adalah kebolehan berfikir melibatkan kemampuan penyampaian ditampilkan secara lisan mahupun berbentuk penulisan. Kepekaan terhadap sensitiviti membina setiap perkataan menjadi kepentingan sebagai kemahiran yang ada dalam diri. Kemampuan yang dapat diperlihatkan apabila aktiviti seperti mendengar, bertutur, membaca dan menulis dapat dikuasai dengan baik. Kebolehan menggunakan kepelbagaian bahasa menjadikan ianya sebagai medium meluahkan perasaan dan emosi. Bentuk kecerdasan seperti ini mempunyai bahagian yang berkebolehan secara efektif dalam memberi manipulasi terhadap bahasa untuk diekspresikan menerusi bentuk seni retorik atau bahasa yang puitis. Menerusi aktiviti pergerakan kreatif, perbendaharaan perkataan dibuat dengan letusan kata-kata yang misteri disampaikan dengan suasana suara yang bermacam-macam. Ia digunakan dalam gerak melibatkan penggunaan seperti penceritaan, puisi, pantun, nyanyian dan aksi. Kesemunya menjadi sifat simulasi untuk membina pergerakan yang pelbagai rupa dan bentuk seiring dengan pembinaan gerak kreatif yang ingin diciptakan. Ragam gerak diarahkan secara lisan sebagai proses mengingat melalui frasa perkataan seperti (jalan, lompat, kira 1-2-3-4, pusing, berhenti dan beraksi). Frasa-frasa perkataan ini menjadi nadi terhadap pembinaan gerak yang ingin diekspresikan mengikut terma-terma ayat yang dituturkan.

### **3. Kecerdasan Visual-Ruang**

Tumpuan kecerdasan visual-ruang adalah melibatkan tinjauan keseluruhan menggunakan mental untuk diamati secara visual. Penglibatan kecerdasan ini meletakkan kewujudan persepsi tentang alam sekitar secara benar atau salah. Kemahiran untuk mengenali objek, bentuk, warna dan corak pada persekitaran menjadi rangsangan pemikiran untuk membina dimensi artistik. Keupayaan untuk membina serta menghubungkan antara objek-objek dan ruang bagi dipersembahkan adalah landasan penciptaan idea kreativiti masing-masing. Kebiasaannya kecenderungan melahirkan penjaan gambaran kreatif melibatkan proses imageri dalaman bagi mengangkat imaginatif dalam diri. Bentuk kecerdasan ini tiada batasan untuk divisualisasikan secara dominan. Di dalam aktiviti pergerakan kreatif, kecerdasan visual-ruang berupaya menyediakan persekitaran untuk membina kreativiti yang hadir dalam diri. Keupayaan mental melalui gambaran visual disampaikan melalui gerak merupakan ruang orientasi bagi mempertingkatkan daya imaginasi yang kuat. Eksplorasi gerak kreatif pada ruang lingkungan diri, persekitaran, arah, laluan serta fokus digunakan untuk mencari aspek fizikal membangunkan pengukuhan mental melalui gambaran iaitu bagaimana bentuk gerak itu terbina. Pembinaan dasar-dasar gerak tercipta hasil daripada penerokaan imaginasi melahirkan bentuk gerak yang unik seperti menggunakan tubuh untuk pembinaan arca, tugu, kenderaan, bangunan dan sebagainya. Hal ini merupakan penumpuan gambaran mental berimaginasi secara aktif dengan menggunakan visualisasi idea diinterpretasikan melalui tubuh, ruang, masa dan daya.

### **4. Kecerdasan Muzik**

Kecerdasan yang melibatkan kemampuan untuk bermain serta meluahkan perasaan menggunakan muzik. Kebolehan untuk mengesan bunyian serta irama yang bergema menjadikan kenikmatan untuk merangsangkan kewujudan kecerdasan itu wujud dalam diri. Sensitiviti rasa terhadap bunyi-bunyian memberikan kepuasan berinteraksi pada persekitaran di sekeliling. Penguasaan bermain alat muzik memberikan kecenderungan untuk membina kecerdasan dengan baik. Hal ini memperlihatkan individu yang berupaya mengubah rentak dan tempo muzik untuk dikenali dan diingati memberikan kemahiran baru untuk diekspresikan. Keupayaan bagi mengesan atau membina nada dan ritma menjadi agenda penting dalam pengajaran pergerakan kreatif. Fungsi pendengaran yang memerlukan individu itu membangunkan kecerdasan menerusi kaitan di antara bunyian bagi memberi rangsangan untuk pembinaan gerak. Selain itu, merupakan rangsangan bagi merasai rentak atau irama yang terdetik melalui sumber deria misalnya bunyi-bunyian, hentakan, tepukan, pengucapan beralun yang dinamik, nyanyian serta alunan muzik mendorong kepada pendengaran perbendaharaan ritma itu hadir dalam pelbagai sudut dan bentuk. Selain itu, penggunaan muzik seperti lagu-lagu yang rancak, perlahan dan alunan muzik mengikut pelbagai tempo dan gaya membantu memperkukuhkan lagi aktiviti ini. Ia memberikan sokongan bagi pelajar menjadi lebih kreatif membentuk pergerakan berirama dengan penuh penginterpretasian. Pengalaman bergerak dengan menggunakan irama dan lagu mewujudkan perkembangan yang efektif dalam aktiviti pergerakan kreatif sebagai rangsangan naluri untuk merasai ritma yang didengari.

## 5. Kecerdasan Kinestetik

Kemampuan mental seiring dengan koordinasi melalui pergerakan tubuh badan. Menerusi aktiviti pergerakan kreatif, tubuh badan digunakan bagi membina asas pergerakan. Eksplorasi dijalankan melalui pelbagai kaedah iaitu tubuh bergerak manakala bahagian yang bergerak itu amat penting dalam membangunkan kecerdasan melalui pergerakan yang dibuat seiring dengan kawalan gerak yang lain. Aktiviti pergerakan kreatif melibatkan usaha membantu dan membina kesedaran kinestetik dengan keupayaan menggunakan fizikal untuk menjadi aktif. Kesedaran kinestetik bukan hanya merujuk kepada daya ketahanan otot (*muscle memory*) tetapi merangkumi keupayaan untuk merasai pergerakan itu yang melibatkan proses melihat, merasa dan melahirkan perasaan dalaman. Rangsangan kinestetik membawa kepada keupayaan otot-otot fizikal bagi melakukan pergerakan menerusi dorongan tekanan emosi dengan memperlihatkan kesepaduan menyalurkan kemunculan ekspresi. Aspek yang melibatkan aktiviti fleksibiliti dan kelenturan dijadikan tumpuan utama dalam mempertingkatkan rangsangan pada tindak balas sistem tubuh badan. Fokus utama menggunakan bahagian tubuh badan yang digunakan ialah kepala, leher, bahu, dada, lengan, pinggul dan kaki. Dalam pada itu, untuk pembinaan postur yang melibatkan bahagian atas tulang belakang dan bahagian bawah iaitu pinggul hingga ke kaki diberi penekanan dalam usaha mempertingkatkan kedudukan postur tubuh. Oleh itu, gabungan fizikal dan ekspresi menjadi daya penarik mengolah gerak mengikut rentak yang dijalin dengan saluran rasa menyelami pembinaan gerak kreatif. Ia disusuli dengan rentak iringan bagi memberi kemunculan pengalihan perasaan untuk ditampilkan.

## 6. Kecerdasan Interpersonal

Kecerdasan ini merangkumi kebolehan berinteraksi secara harmoni dengan pelbagai lapisan masyarakat dan berkebolehan memahami orang lain. Interaksi komunikasi yang dilakukan memberikan kerberkesanan yang baik dalam diri sendiri. Keupayaan peribadi yang menampilkan kemampuan untuk berkerjasama dan memahami perasaan orang lain merupakan bekalan terhadap tuntutan hubungan sosial. Bentuk kecerdasan yang bersifat sendiri ini adalah berkebolehan untuk memahami perasaan individu dan bermotivasi pada ruang sekeliling. Pembangunan aktiviti pergerakan kreatif merupakan pembinaan sebuah bentuk sahsiah kecerdasan peribadi melalui penerokaan idea gerak secara duet mahupun berkumpulan. Kerjasama sangat penting bagi membina penciptaan gerak untuk ditampilkan dengan menarik. Sensitiviti rasa bagi memahami kehendak emosi, perasaan, fikiran dan tingkah laku dititikberatkan bagi mengangkat penyatuan idea-idea gerak kreatif yang hendak ditampilkan. Sifat keperibadian yang dibangunkan sepanjang aktiviti yang dilakukan, terutama pada pembinaan gerak yang melibatkan eksplorasi pergerakan, cetusan idea, perkembangan ruang serta membina bentuk gerak menjadi kepentingan bagi memenuhi pembangunan dalam menjalani interaksi bersama rakan-rakan di sekeliling.

## 7. Kecerdasan Intrapersonal

Keupayaan untuk memahami kehendak rasa merupakan kesedaran tentang diri sendiri dalam mengamati tingkah laku bagi menilai kemampuan diri. Sifat peribadi yang ada dalam diri mampu untuk mengenal pasti kemampuan dari segi kekuatan dan

kelemahan diri sendiri. Potensi ini melibatkan kebolehan untuk memahami perkembangan yang hadir dalam diri bagi memberi keyakinan memperkasakan jati diri yang tinggi. Ini membawa kepada sebuah tingkah laku yang dinamik mengikut kebolehan diri menentukan hala tuju kehidupan serta mempunyai pegangan dan azam yang kuat untuk berdikari. Merujuk kepada penumpuan rangsangan membentuk pergerakan kreatif adalah menerbitkan kesedaran menggunakan pengalaman yang hadir serta memberikan keupayaan untuk menghasilkan, menciptakan dan membentuk gerak. Unsur pengajaran seperti ini adalah landasan kepada penekanan mengetengahkan kesedaran tentang diri bagi memperolehi pengetahuan serta pengalaman yang menjadikan mereka seorang yang berpotensi dan unik. Pengalaman yang dirasakan, merupakan pengiktirafan terhadap jalinan-jalinan baru berupaya mengesan cara berfikir, tindak balas dan komunikasi tentang idea-idea, perasaan dan sikap. Aktiviti pergerakan kreatif yang mengandungi peluang-peluang bagi tujuan untuk menyelesaikan masalah, melakukan eksperimen, meneroka, mengambil risiko, membentuk keupayaan, mencari jawapan berdasarkan pembayangan merupakan keputusan memilih bagi mempertingkatkan pertimbangan pemikiran secara kritis. Hal ini merujuk kepada pengembangan daya pemikiran bagi pembinaan proses emosi untuk memperolehi penaakulan tahap tinggi dalam menjayakan aktiviti pergerakan kreatif.

## **8. Kecerdasan Naturalis**

Kecerdasan naturalis melibatkan kebolehan menghargai pola, corak dan bentuk persekitaran di alam sekeliling. Keterampilan kecerdasan ini melibatkan kenikmatan mengenali dan mengklasifikasikan flora dan fauna serta menghayati bunyi-bunyian yang terdapat di alam sekitar. Tarikan terhadap menikmati keindahan kehidupan tumbuhan menghijau menjadi sokongan untuk mengetahui unsur kejadian fenomena alam. Kebolehan untuk mengesan melalui pemerhatian unsur alam, binatang dan persekitaran adalah teknik imaginasi karektor sebagai langkah mencipta gerak. Penciptaan aneka ragam gerak dengan imaginasi tersebut menyediakan kesedaran untuk menerima dan menghargai pengajaran yang diajar pada aktiviti pengajaran pergerakan kreatif yang dikendalikan. Aktiviti seperti kongsi rasa adalah salah satu aspek yang memberikan keterampilan kefahaman mengemukakan pengalaman dalam menjalani aktiviti terbabit diluahkan dan dipersembahkan untuk ditonton bersama rakan-rakan sekeliling. Pembangunan terhadap kesedaran kemahiran dengan menjalani pemerhatian menerusi imitasi bentuk gerak mewujudkan ruang membina kesedaran dan menghargai kejadian alam. Persekitaran ini membekalkan rangsangan pembentukan gerak berdasarkan kepada pemerhatian terhadap peniruan binatang, tumbuh-tumbuhan, alam menerusi bencana alam, gunung berapi, gempa bumi dan peristiwa untuk dieksplorasi.

## **9. Kecerdasan Eksistensialisme**

Kecerdasan eksistensialisme melibatkan sikap kewujudan manusia, pengertian sebuah kehidupan dan realiti sebuah kehidupan. Kecerdasan ini banyak melibatkan aspek kerohanian berkeupayaan memberikan kesedaran dan keinsafan tentang tugas dan tanggungjawab sebagai seorang manusia. Nilai-nilai ini diamati bagi mendapat pengetahuan mengenali budaya sesebuah masyarakat untuk difahami. Pengamatan terhadap falsafah seterusnya menyoal diri sendiri membolehkan kefahaman memahami

prinsip-prinsip hidup yang dapat dijadikan sebagai pengalaman kehidupan yang berguna. Potensi pembinaan pengalaman ini mempunyai kepercayaan dan keyakinan yang teguh serta dapat memiliki fikiran dan jiwa yang tenteram. Menerusi aktiviti pergerakan kreatif, pengajaran yang melibatkan proses-proses menyelami erti kehidupan disediakan dengan bentuk-bentuk cabaran serta idea bagi membangkitkan kepuasan menyertai aktiviti yang dijalankan. Sifat pergerakan kreatif bertindak sebagai laluan bukan sahaja memberikan kecergasan tetapi menyemai falsafah seni dan memperlengkapkan pembentukan sifat peribadi pada tahap nilai-nilai potensi diri yang tinggi. Ia menyediakan bentuk pengiktirafan untuk berkomunikasi menggunakan tubuh di ruang sekitar bagi meluahkan ekspresi diri dan kebebasan berinteraksi. Hal ini menjadi sokongan memberikan rangsangan positif untuk menghargai pengalaman hidup yang boleh dijadikan pedoman. Melalui penyaluran perlepasan rasa, keinginan menerbitkan pencapaian imaginasi untuk mencipta, merupakan rangsangan perkembangan fizikal dan mental bagi menampilkan nilai-nilai sebuah pengabdian kehidupan pada Tuhan yang maha esa.

Menurut Gardner (1983) kecerdasan memberikan kemahiran yang berguna pada individu untuk menyelesaikan masalah. Kesimpulan daripada teori ini menampilkan contoh yang berguna dalam aktiviti pengajaran pergerakan kreatif bagi pembentukan wahana terbaik meningkatkan keupayaan mental dan fizikal pada kegiatan pengajaran. Aktiviti-aktiviti ini sebagai saluran untuk mencapai pencapaian seni gerak kreatif sekiranya: (1) Pemahaman terhadap kecerdasan muzikal seperti ritma dan variasi muzik; (2) Mewujudkan kefahaman kecerdasan keperibadian mengikut cara bagaimana memupuk perasaan untuk dikongsi bersama dalam aktiviti pergerakan kreatif dan (3) Kecerdasan kinestetik tubuh bagi membekalkan gerak yang aktif secara menyeluruh bagi meningkatkan koordinasi set pergerakan yang cemerlang. Menerusi teori ini, terdapat perkembangan positif yang dapat diketahui untuk dibangunkan dan diaplikasikan di setiap lapangan seperti sekolah, universiti, kesihatan mahupun aktiviti riadah. Hujahan teori yang menunjukkan laluan pada setiap komponen yang dinyatakan memberikan kefahaman kesan pembinaan rangsangan intelektual serta emosi menggunakan pergerakan kreatif sebagai model bagi mewujudkan kecerdasan pelbagai pada aktiviti pengajaran.

### **Kesimpulan**

Pembangunan kurikulum berunsurkan pergerakan kreatif merupakan langkah strategi mempelbagaikan pelaksanaan kaedah pengajaran yang bersifat dinamik dan efisien. Elemen seperti tubuh, ruang, masa dan daya dibentuk serta dieksplorasi dengan pelbagai teknik dan faedah bagi memperlihatkan kesesuaian pendedahan yang ingin diaplikasikan. Menerusi proses cipta gerak kreatif, pengajaran berteraskan penggunaan fizikal adalah menjadi tumpuan proses pembelajaran dinamik pada persekitaran imaginatif. Hal ini dapat membina intelek dan mengembangkan kemahiran berfikir, merumus dan menjana idea-idea yang baru dan bernas. Perkembangan terhadap keperluan ini sangat diperlukan bagi memperkasakan kualiti terbaik mengembangkan potensi kreativiti individu. Tuntutan fizikal memainkan peranan penting bagi mencorakkan lagi alatan tubuh dalam mencernakan gerak menjadi sesuatu yang unik dan menarik.

Oleh yang demikian, teras pembangunan kecerdasan pelbagai menjadi sumber sokongan penyuburan keperibadian yang mampu diperluaskan secara menyeluruh melalui aspek pengajaran dan pembelajaran. Amalan pembelajaran seumpama ini sebenarnya menjadi objektif utama menghasilkan produk pengajaran berkualiti bagi menentukan kehendak yang ingin dicapai melalui kegiatan yang dilaksanakan. Perkara yang penting di sini ialah apabila aktiviti pembelajaran yang dirancang mempunyai kesesuaian dan landasan berguna untuk diguna pakai bagi pencapaian objektif berteraskan pembangunan pendidikan yang efisien. Proses-proses ini menjadi sokongan mempamerkan nilai-nilai yang baik menyediakan strategi pembelajaran kolaboratif dan komunikasi efektif. Justeru, mengetengahkan model pendidikan pergerakan kreatif dengan konsep-konsep kepelbagaian kecerdasan, memberikan inovasi terbaik dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bagi penjana minda kreatif, pembangunan sahsiah dan pembentukan personaliti yang dinamik.

### **Rujukan**

- Abdullah Hassan & Ainon Ahmad. (1996). *Seni Berfikir Kreatif*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Edward, A & Knight, P. (1994) *Effective Early Years Education*. Buckingham: Open University Press.
- Fleming, Gladys Andrews. (1976) *Creative Rhythmic Movement*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall
- Fryer, Marilyn. (1996). *Creative Teaching and Learning*. London: Paul Chapman Publishing.
- Fowler. (1981). *Movement Education*. Philadelphia: Saunders College Publishing.
- Gardner, Howard. (1983). *Frames of Mind. The Theory of Multiple Intelligences*. New York: Basic Books.
- Guilford, J.P. (1965) *Implications of Research of Creativity*. In C.Banks. Stephanos. London: University of London Press.
- Guilford, J.P. (1970) *Traits of Creativity*. P.E. Vernon ed. Britain: Creativity Penguin Education.
- H'Doubler, Margaret. (1946). *Movement and its Rhythmic Structure*. Madison: Kramer Business Service.
- Hanson, Margaret Anne Bauer. (1992) *Developing the motor creativity of elementary school physical education students*. Disertasi, University of Georgia, Athens
- Herman; G.N, & Kirschenbaum, R. (1990) *Movement Arts and nonverbal communication*. The Gifted Child Today.
- Jamilah Omar. (2004) *Kreativiti Dalam Lukisan Kanak-Kanak Prasekolah Suatu Kajian Perbandingan*. Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan (Pendidikan Seni). Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Kassing & Jay. (2003) *Dance Teaching Methods and Curriculum Design*. USA: Human Kinetics.
- Kraus, Chapman & Dixon. (1991) *History of the Dance In Art and Education*. USA: Prentice Hall.
- Laban. (1975) *Modern Educational Dance*. (3<sup>rd</sup> ed.) London, England: Macdonald & Evans Ltd.

- Leopold, W.D. (1973). *Creativity education; Some theories and procedures to enhance the development of creativity within the classroom setting*. Disertasi, Abstract International.
- Lloyd-L.Marcia. (1998). *Adventure in Creative Movement Activities; A Guide For Teaching*. USA: Eddie Bowers Publishing.
- Lloyd-L.Marcia & Salmah Ayob. (1994). *Aktiviti-Aktiviti Pergerakan Kreatif dan Panduan Pengajar*. Terjemahan. Kuala Lumpur: Flo Enterprise.
- Minton, Sandra Cerny. (1989). *Body and Self, Partner in Movement*. Champaign, Ill.,: Human Kinetics Books.
- M.Willis-Cheryl. (2004). *Dance Education Tips From the Trenches*. USA: Human Kinetics.
- Poh Swee Hiang. (1999). *Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn.Bhd.
- Russell, Joan. (1975). *Creative Dance in the Primary School*. United Kingdom: Northcote House Publishers.
- Salmah Ayob. (1986). *An Examination Of Purpose Concept In Creative Dance For Children*. Disertasi, Abstracts International.
- Salmah Ayob. (1996). *Strategi, Teknik dan Perancangan Pendidikan Pergerakan*. Kuala Lumpur: Flo Enterprise.
- Salmah Ayob. (1994). *Pergerakan Kreatif dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Flo Enterprise.
- Smith–Autard, Jacqueline. (2002). *The Art of Dance in Education*. London: A&Black Publishers.